

# UPM cipta inovasi kekang kes jenayah

● Teknologi mampu jangka strategi penjenayah melalui pergerakan tubuh

**Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin**  
[khairul.anam@bh.com.my](mailto:khairul.anam@bh.com.my)

#### Serdang

**B**agi membantu mencegah kes jenayah yang semakin berleluasa, sekumpulan penyelidik Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM) membangunkan inovasi pengesanan awal melalui perakam video digital yang dinamakan teknologi *Future Policing System* (FITRAH).

Ketua penyelidiknya, Dr Azree Shahrel Ahmad Nazri, berkata FITRAH menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang dilengkapi dengan teknologi *deep learning*

ning (pengemaman manusia), *bayesian network* (pengemaman aktiviti jenayah) dan *game theory* (penghasilan strategi anti-jenayah). Katanya, tidak terhad kepada kepentingan penyelidikan semata-mata, inovasi dibangunkan bertujuan memanfaatkan masyarakat terutama sebagai langkah berkesan bagi menekang jenayah.

**Baca pergerakan badan** “*Deep learning* memban-

tu untuk membezakan manusia dengan objek lain seperti kereta atau haiwan, manakala *game theory* pula digunakan untuk menghalalkan strategi yang dapat mengesan tindakan pelaku berdasarkan kajian kriminologi yang mampu menjangka strategi penjenayah melalui

pergerakan tubuh badan. “Sistem ini akan memberi amaran kepada penjenayah bagi mengurangkan kecenderungan atau menghalang tindakan mereka untuk terus melakukan aktiviti jenayah termasuk dengan memberi beberapa isyarat yang mana mereka sedang diperhatikan,” katanya kepada BH Varsity.

Teknologi bayesian network pula digunakan untuk membuat keputusan sama ada aktiviti terbabit diklasifikasi sebagai jenayah atau sebaliknya.

Azree mengakui kekurangan teknologi dan produk tempatan yang dapat memenuhi kehendak serta keperluan pasaran di dalam negara adalah antara faktor mendorong penyelidikan berimpak tinggi itu dijalankan.

**Dr Azree menunjukkan keistimewaan produk**  
dibangunkan menggunakan teknologi AI yang mampu mengemam aktiviti dan strategi penjenayah.



mengesan aktiviti jenayah, bertindak untuk mengawal jenayah dan menghalang pelaku daripada terus melakukannya.”

Teknologi FITRAH juga menyasarkan kepada pengguna yang memerlukan sistem pemantauan berterusan seperti pengusaha domestik, perunit dan perusahaan kecil serta sederhana (PKS).

#### Pemantauan berterusan

Beliau berkata, teknologi yang dibangunkan sejak 2016 turut mendapat kerjasama *Intelligent Computing Research Group* fakulti berkenaan dengan menggunakan pembelaan geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) daripada Kementerian Pendidikan (KPM), selain dana InnoHub melalui peruntukan UPM yang mempunyai perlindungan harta intelek, iaitu hak cipta.

“Tidak dinafikan terdapat teknologi AI yang terdapat di pasaran kini kurang memberi perhatian kepada isu keselamatan antaranya sistem pengemaman wajah dari luar negara dibimbangi sudah dimasukkan beberapa wajah ejen mereka yang tidak kita ketahui.

“Kelebihan teknologi ini adalah kos yang murah, pantas